

MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
JALAN RAJA  
50506 KUALA LUMPUR.

TEL: 2939011

Bil. (37) JK/MA 16  
14hb. Februari, 1992.

Semua Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Registrar  
-13746

Tuan/Puan,

Pekeliling Ketua Pendaftar No.1 Tahun 1992  
Jadual Litaran Bagi Mahkamah-Mahkamah Majistret  
di Semenanjung

Adalah dimaklumkan iaitu di atas arahan Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya Litaran Majistret hendaklah mengikut Jadual yang ditetapkan.

2. Jadual berkenaan hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan tidak boleh diubah tanpa kebenaran bertulis dari pejabat ini. Jadual tersebut akan disemak oleh pejabat ini jika dan apabila jawatan-jawatan kosong Majistret yang sedia ada telah diisi.

3. Pada asasnya seorang Majistret Litar adalah dikehendaki membuat litaran hanya di satu Mahkamah luardaerah sahaja.

4. Jika litaran Mahkamah luardaerah itu dipertanggungjawabkan kepada suatu Mahkamah yang mempunyai lebih dari seorang Majistret, hanya seorang Majistret sahaja dan Majistret yang sama dibenarkan membuat litaran di Mahkamah luardaerah berkenaan.

5. Jika terdapat lebih daripada satu Mahkamah luardaerah yang memerlukan litaran oleh Mahkamah yang sama yang mempunyai lebih dari seorang Majistret, maka Litaran itu hendaklah diperuntukkan kepada seorang Majistret untuk setiap satu Mahkamah luardaerah, contohnya:

(a) Alor Setar - Seorang Majistret membuat litaran di Pulau Langkawi; dan seorang lagi Majistret membuat litaran di Kuala Nerang.

(b) Kuala Terengganu - Seorang Majistret membuat litaran di Marang; dan seorang lagi Majistret membuat litaran di Kuala Brang.

Pengecualian

(c) Kuala Kangsar - Seorang Majistret membuat litaran di Lenggong; dan seorang lagi Majistret membuat litaran di Grik dan Pengkalan Hulu.\*

(Nota:\* Majistret bagi Litaran ini hendaklah bersidang di kedua-dua Mahkamah dalam satu tugas luar dengan bermalam di Grik).

(d) Machang - Majistret hendaklah membuat litaran di Kuala Krai dan Gua Musang untuk sementara waktu.

6. Pada umumnya, Majistret di setiap Ibu Negeri tidak akan membuat litaran dan dikehendaki bersidang di Mahkamah masing-masing setiap hari.

Pengecualian: (a) Alor Setar & Kuala Terengganu; dan  
(b) Seremban & Kota Bharu (untuk sementara waktu).

7. Garis panduan di atas adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut -

- a) Apabila seorang Majistret Kanan dipanggil mendengar suatu Siasatan Permulaan atau suatu kes yang rumit di Mahkamah luardaerah atas arahan Hakim Mahkamah Sesyen.
- b) Untuk menggantikan Majistret lain yang tidak dapat membicarakan suatu kes atas sebab-sebab tertentu.
- c) Untuk menggantikan Majistret lain yang bercuti.
- d) Untuk menghabiskan kes-kes separuh-bicara.

8. Untuk makluman pejabat ini, Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan adalah dikehendaki mengemukakan butir-butir berikut apabila menerima Pekeliling ini -


Nama Majistret Mahkamah Induk		Mahkamah Litaran		Hari Persidangan di Mahkamah Litaran	
Kod		Kod			

Nombor yang bersebelahan dengan setiap satu Mahkamah dalam Jadual ini adalah Nombor Kod bagi Litaran.

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mac, 1992.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

  
( DATO' WAN MOHAMED BIN WAN MUDA )  
Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung Malaysia,  
Kuala Lumpur.

s.k.

1. Y.A.A. Hakim Besar Malaya,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
2. Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.
3. Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Borneo,  
93506 Kuching. (untuk makluman)
4. Timbalan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.
5. Timbalan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi,  
Kota Kinabalu,  
88809 Kota Kinabalu. (untuk makluman)
6. Semua Hakim,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.
7. Semua Penolong Kanan Pendaftar,  
Semenanjung Malaysia.

J A D U A L

(1.3.92)

Litaran Mahkamah-Mahkamah Majistret di Semenanjung

Mahkamah Induk	Litaran	Mahkamah Induk	Litaran
<u>KEDAH</u>		<u>MELAKA</u>	
11 Alor Star	11A Pulau Langkawi	51 Alor Gajah	51A Jasin
12 Gurun	11B Kuala Nerang	<u>KELANTAN</u>	
13 Baling	12A Yan	61 Kota Bharu	61A Tumpat
14 Kulim	13A Sik	62 Pasir Mas	62A Tanah Merah
	14A Bandar Baru	63 Pasir Puteh	63A Bachok
		64 Machang	64A Kuala Krai
			64B Gua Musang
<u>PERAK</u>		<u>TRENGGANU</u>	
21 Taiping	21A Selama	71 K. Trengganu	71A Marang
22 Kuala Kangsar	21B Pantai Remis	72 Besut	71B Kuala Brang
	22A Lenggong		72A Setiu
	22B Grik		
23 Batu Gajah	22C Pengkalan Hulu		
24 Tapah	23A Parit	<u>PAHANG</u>	
	24A Cameron Highlands	81 Pekan	81A Rompin
25 Slim River	25A Tanjung Malim	82 Temerloh	82A Jerantut
26 Sitiawan	26A Lumut	83 Raub	83A Kuala Lipis
<u>SELANGOR</u>		<u>JOHOR</u>	
31 Telok Datuk	31A Sepang	91 Muar	91A Tangkak
32 K. Selangor	32A Sg. Besar	92 Segamat	92A Labis
		93 Batu Pahat	93A Yong Peng
<u>NEGERI SEMBILAN</u>		94 Kluang	94A Mersing
41 Seremban	41A Jelebu	95 Kota Tinggi	95A Penggarang
42 Kuala Pilah	42A Bahau		
43 Tampin	43A Gemas		
44 Port Dickson	44A Rembau		